

Ketua bersalah: UMNO negeri ambil alih pengurusan bahagian

UM - 4 SEP 2001

KUALA LUMPUR 3 Sept. — Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri akan **mengambil** alih pengurusan UMNO bahagian yang ketuanya **didapati** bersalah oleh Lembaga Disiplin UMNO kerana terlibat dengan kegiatan **melanggar** etika parti pada pemilihan bahagian lalu.

Serentak itu, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keputusan yang dibuat sebelum ini yang **memberi** laluan kepada calon yang tewas untuk menyandang jawatan tersebut adalah terbatal.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama lebih tiga jam di Ibu Pejabat UMNO di sini hari ini.

Kata Dr. Mahathir, langkah itu dibuat kerana Majlis Tertinggi (MT) menerima rayuan daripada calon terbabit dan keputusan mengenainya masih belum diketahui.

“Sebab itu **kita** nak Ketua Perhubungan **mengurus** urusan bahagian, sehingga rayuan dapat diputuskan, selepas itu **kita** ambil tindakan **lanjut**,” katanya.

Turut hadir ialah Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah **Ahmad Badawi**.

Lembaga Disiplin sebelum ini telah **mengambil** tindakan terhadap lima Ketua UMNO Bahagian yang **didapati** bersalah melanggar tataetika **parti** ketika pemilihan peringkat bahagian lepas.

Mereka ialah Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi (Ketua Bahagian Bukit Bintang), Datuk Kamaruddin Mohd Nor (**Pasir Puteh**), Mustafa Kamal Mohd Nawi (**Gopeng**), Datuk Zainol Mohd Isa (Baling) dan Datuk Abdullah Omar (**Muar**).

UMNO kemudiannya memutuskan untuk melantik **calon** yang kalah **pada** pemilihan **bahagian** di Gopeng, Baling dan Muar sebagai **ketua**.

Mengulas mengenai kedudukan Abdul Azim sebagai ahli MT, **Perdana** Menteri berkata, beliau kekal dalam MT sehingga keputusan mengenai rayuannya diketahui.

Katanya, MT tidak boleh berbuat **apa-apa** selagi keputusan mengenai rayuannya belum diputuskan dan jawatan Ketua UMNO **Bahagian** akan diambil **alih** oleh Pengerusi **Badan Perhubungan UMNO** negeri.

“**Kita** tak boleh buat **apa-apa** sebab belum buat keputusan, sebab **kita** tak tahu **sama ada** dia bersalah atau tidak, dia **kekal** ahli MT,” tambahnya.

Lembaga Disiplin dalam **keputusannya** **pada** 22 Ogos lalu mensabitkan Abdul Azim menyalahgunakan kuasa dengan **tujuan** **meraih** undi apabila **menganjurkan** majlis **berkenaan** **bersama-sama** Setiausaha Bahagian, Datuk Ruslan Ali Omar di Auditorium Bank Simpanan Nasional (BSN).

Abdul Azim **disabitkan** dalam **gejala politik** **wang** **pada** pemilihan bahagian **Bukit Bintang, Mei** lalu.

Beliau bagaimanapun **menafikan** terlibat dalam pengajuran majlis tersebut seperti

mana disebut dalam pertuduhan hukuman Lembaga Disiplin.

Sementara itu, Abdullah berkata, UMNO telah **menubuhkan** sekretariat bebas yang akan memproses rayuan yang diterima.

“Sekretariat ini setelah mempertimbangkan rayuan itu akan mengemukakan cadangan tertentu kepada MT sebab MT adalah Lembaga Rayuan,” katanya.

Bagaimanapun sehingga **kini** sekretariat berkenaan belum mengemukakan kes rayuan itu kepada MT kerana masih banyak kes dalam peringkat pertimbangan sekretariat, katanya.

Beliau berkata, sekretariat itu juga telah menerima banyak rayuan daripada anggota parti dan jumlah rayuan dijangka bertambah lagi.